Panduan & Strategi

PERMOHONAN UPU ONLINE

Panduan para pelajar serta ibu bapa & guru untuk permohonan calon SPM/ STPM/ Diploma ke Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia

2026

EDISI KE-3

UA Uni Assist Connecting Your Future

Panduan Lengkap

PERMOHONAN UPU ONLINE 2026

EDISI KE-3

Edisi Ketiga
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:
UNI ASSIST SDN. BHD. (1508641-P)
E-8-8, Menara Suezcap 2,
KL Gateway, No.2, Jalan Kerinchi,
59200 Kuala Lumpur,
Malaysia
E-mel : official.uniassist@gmail.com
Web : http://www.uniassist.my

Penghargaan dan Sumber Rujukan:
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Agensi Kelayakan Malaysia
Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA) JPT
Rakan Kerjasama IPT
Semua yang menyumbang kepada penerbitan buku ini.

UA Uni Assist Connecting Your Future

KANDUNGAN

Prakata 1

Perancangan Halatuju Selepas SPM/ STPM 2
- 5 Faktor Utama 3
- Perancangan Awal Pra-SPM 5
- Bidang Pengajian 7
- Prospek Kerjaya 12

Syarat Permohonan IPTA/ ILKA 13
- Apakah Syarat Pemilihan ke IPTA/ ILKA? 14
- Syarat Am & Syarat Khas 15

Memahami Kepentingan Merit 17
- Persaingan Merit 18
- Pentingnya Merit dalam Permohonan di UPU Online 21
- Kaedah Pengiraan Merit 22
- Aplikasi UPUPocket 23

Panduan Permohonan UPU Online 27
- Apa itu UPU Online? 28
- Memulakan Permohonan UPU Online 29
- Fasa Permohonan 31
- Proses Permohonan 33
- TIPS: Membuat Pilihan Program di UPU Online 35
- Kemaskini Permohonan 39
- Hebahan dan Semakan Keputusan 41
- Proses Rayuan 42

Pembiayaan Pendidikan 43
- Institusi Pembiayaan Pendidikan 44

Mengenali Institusi Pengajian Tinggi 49

Program Pengajian IPT 53

Laluan Alternatif Universiti Awam 58

Uni Assist Connecting Your Future

Hakcipta Terpelihara @ 2025 Uni Assist Sdn. Bhd.
Edisi 3/2025

PRAKATA

Buku Panduan Lengkap Permohonan UPU Online 2026 Edisi Ke-3 ini diterbitkan khusus untuk membantu para pelajar, ibu bapa, dan pendidik memahami proses pemilihan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Politeknik, Kolej Komuniti, dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di Malaysia.

Menyambut perubahan zaman dan cabaran dalam dunia pendidikan, edisi terkini ini dirancang untuk memberikan panduan yang lebih jelas, mudah difahami, dan menyeluruh mengenai sistem permohonan UPU Online. Buku panduan ini mengandungi pelbagai maklumat penting, termasuk syarat kelayakan terkini, strategi memilih program yang sesuai, serta tip untuk meningkatkan peluang anda diterima ke program pilihan.

Kami sedar bahawa proses ini mungkin menjadi pengalaman yang mendebarkan bagi ramai pelajar serta ibu bapa, terutamanya yang baru pertama kali melaluinya. Oleh itu, panduan ini bertujuan untuk memberikan bimbingan dan sokongan, memastikan setiap pelajar dapat membuat keputusan yang bijak berdasarkan potensi, minat, dan matlamat kerjaya masing-masing.

Di kesempatan ini, kami ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku ini, termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi, institusi pengajian tinggi, dan tenaga pakar yang telah menyumbangkan kepakaran mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Semoga Buku Panduan ini menjadi rujukan yang bermanfaat dan mampu membantu pelajar mencapai impian untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Ingatlah, kejayaan bermula dengan langkah pertama—dan panduan ini adalah langkah pertama anda ke arah masa depan yang cemerlang.

Sekian, terima kasih.

Editorial
Uni Assist
www.uniassist.my

Uni Assist Connecting Your Future

Perancangan Halatuju

SELEPAS SPM/ STPM

5 Faktor Utama

MERANCANG HALATUJU
SELEPAS SPM/ STPM

KENAL PASTI MINAT DAN KECENDERUNGAN

PILIH BIDANG BERSESUAIAN DENGAN MINAT

TEROKA PROSPEK KERJAYA



PILIH IPT BERSESUAIAN

DAPATKAN PELUANG PEMBIAYAAN PENGAJIAN

5 FAKTOR UTAMA DALAM MERANCANG HALATUJU SELEPAS SPM/ STPM

MINAT DAN KECENDERUNGAN PELAJAR

Kenal pasti dan tentukan bidang yang anda minati. Perkara utama ialah mencari sesuatu yang dekat di hati dan anda minat serta gembira untuk pelajari. Bincang dan dapatkan pandangan ibu bapa serta guru kaunseling untuk pastikan anda membuat pilihan yang tepat dan terbaik. Pilihan anda sekarang akan menentukan laluan akademik yang perlu anda lalui serta prospek kerjaya yang anda impikan.

BIDANG YANG BERSESUAIAN

Jika pelajar mempunyai lebih daripada satu bidang yang diminati, susun minat ini ikut keutamaan. Kenal pasti bidang pengajian dan pilih program yang sesuai dengan minat dan kelayakan anda. Program pengajian yang anda minat tidak semestinya hanya di IPT Awam sahaja malah sekarang terdapat pilihan di IPTS yang juga setanding kualitinya dengan pelbagai kemudahan pembelajaran yang sangat baik.

Selain laluan akademik, pelajar juga perlu memberi perhatian serius kepada laluan kemahiran khususnya "Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang memberi penekanan kepada komponen praktikal dan pendedahan kepada latihan di industri.
Program TVET ini mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri dan bertujuan menghasilkan tenaga kerja yang kompeten bagi pasaran kerja pada masa kini dan akan datang dalam pelbagai bidang serta industri dalam dan luar negara.

PROSPEK KERJAYA

Terokai prospek kerjaya bidangan pengajian serta program yang dipilih.

Pelajar boleh **menyemak Prospek Kerjaya program pilihan dan mengambil Ujian Ringkas** untuk mengetahui kerjaya terbaik berkaitan minat dan bakat pelajar.

PILIHAN IPT

Dapatkan maklumat yang tepat berkaitan IPT termasuk:

- Jenis dan Kriteria IPT
- Program yang ditawarkan dan status akreditasi program oleh MQA
- Penarafan IPT Swasta oleh KPT merangkumi:
  a. Sistem Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA) - mengukur jaminan kualiti dan standard Universiti dan Kolej Universiti di Malaysia berdasarkan autonomi, kualiti dan prestasi institusi.; dan
  b. Sistem Penilaian Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta (MyQUEST) -menilai tahap kualiti Kolej Swasta di Malaysia.

PEMBIAYAAN PENGAJIAN

Dapatkan maklumat lengkap berkaitan:

- keseluruhan kos pengajian meliputi Yuran Pendaftaran, Pengajian, Penginapan serta kos sara diri.
- Sumber pembiayaan termasuk biasiswa, penajaan, pinjaman, bantuan serta pengeluaran simpanan KWSP dan sebagainya.

PERANCANGAN AWAL PRA-SPM

PENENTUAN ALIRAN SPM

Perjalanan seorang pelajar calon SPM sebenarnya bermula seawal Tingkatan 4 berdasarkan pemilihan Pakej Mata Pelajaran yang ditawarkan di sekolah masing-masing. Sehubungan itu, adalah amat penting bagi para pelajar dan ibu bapa membuat perancangan yang betul dalam menentukan minat pelajar serta menyesuaikan dengan keupayaan serta pemilihan kerjaya yang bersesuaian.

Adalah sangat penting bagi para pelajar dan ibu bapa untuk mengetahui dan memahami aliran pelajar melalui Pakej Mata Pelajaran yang dipilih semasa memasuki Tingkatan 4 sama ada STEM A, STEM B, STEM C atau Pakej Kemanusiaan & Sastera Iktisas.

Pakej mata pelajaran yang dipilih ini akan menentukan kelayakan pelajar seterusnya apabila selesai SPM dalam membuat pemilihan serta permohonan program pengajian serta bidang di peringkat IPT Awam khususnya melalui UPUOnline.

Atas sebab ini juga, ditekankan sekali lagi kepentingan menentukan bidang kerjaya yang ingin dan diminati pelajar supaya pemilihan pakej mata pelajaran dibuat dengan betul semasa di Tingkatan 4.

PAKEJ MATA PELAJARAN

Berkuatkuasa pada tahun 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memulakan “Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (Menengah Atas) dan Pelaksanaan Pakej Mata Pelajaran Mulai Tahun 2020”.

Melalui KSSM 2020 ini, terdapat 2 pakej mata pelajaran yang boleh dipilih oleh pelajar iaitu:

- Pakej Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)
- Pakej Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas (KSI)

Pilihan aliran dan pakej mata pelajaran ini akan menentukan pilihan laluan lanjutan pengajian serta bidang yang boleh pelajar ikuti selepas SPM.

"Jika anda gagal merancang, anda merancang untuk gagal"

PAKEJ MATAPELAJARAN



1) Pakej STEM

Bagi pakej STEM, pelajar boleh membuat pilihan mata pelajaran yang dikategorikan kepada STEM A, B dan C seperti berikut:

STEM A
Mengambil semua mata pelajaran sains tulen iaitu Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan

STEM B
Mengambil mana-mana DUA mata pelajaran sains tulen dan Matematik Tambahan dan sekurang- kurangnya SATU mata pelajaran elektif STEM sains gunaan dan teknologi atau mata pelajaran bukan elektif STEM.

STEM C
Mengambil sekurang-kurangnya DUA mata pelajaran elektif STEM sains gunaan dan teknologi atau mengambil mana-mana SATU Mata Pelajaran Vokasional (MPV)

2) Pakej Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas (KSI)

KSI
Mengambil gabungan mata pelajaran elektif yang terdiri daripada kumpulan elektif Bahasa, Pengajian Islam, Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas dan/atau SATU mata pelajaran elektif STEM (kecuali MPV)

NOTA

- Pelajar yang mengambil mana-mana DUA mata pelajaran Sains Tulen (Fizik, Kimia, Biologi) DIKECUALIKAN daripada mengambil mata pelajaran Teras Sains
- Pelajar yang mengambil mata pelajaran Pend. Al-Quran & As-Sunnah dan Pend. Syariah Islamiah ATAU Turath Dirasat Al-Islamiah danTurath Al-Quran Wa Al-Sunnah ATAU Usul Al-Din dan Al-Syariah DIKECUALIKAN daripada mengambil mata pelajaran Teras Pend. Islam.
- Pelajar yang mengambil Sains Tambahan tidak dibenarkan mengambil mana-mana mata pelajaran Sains Tulen. Mereka digalakkan untuk mengambil Matematik Tambahan sebagai kombinasi.

BIDANG PENGAJIAN

BERDASARKAN ALIRAN SPM/ STPM

BIDANG PENGAJIAN DI IPT

Berdasarkan pilihan pakej mata pelajaran ini, secara amnya peluang bidang pengajian di IPT adalah seperti berikut:

Laluan Akademik Lepasan SPM Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian										
SPM	Laluan ke Diploma		Laluan ke Sarjana Muda					Sarjana Muda (Tahap 6 MQA)		
	Pra Diploma		Diploma (Tahap 4 MQA)			Pra-Universiti (STPM/ Asasi/ Matrikulasi)				
ALIRAN	SAINS	SAINS SOSIAL/ SASTERA	SAINS	SAINS SOSIAL/ SASTERA	SAINS GUNAAN/ TEKNOLOGI	SAINS	SAINS SOSIAL/ SASTERA	SAINS	SAINS SOSIAL/ SASTERA	SAINS GUNAAN/ TEKNOLOGI
STEM A	✅	✅	✅	✅	✅	✅	✅	✅	✅	✅
STEM B	✅	✅	✅	✅	✅	✅	✅	✅	✅	✅
STEM C	✅	✅		✅	✅		✅		✅	✅
Kemanusiaan & Sastera Ikhtisas (KSI)	✅	✅		✅	✅		✅		✅	✅

Secara amnya, berdasarkan jadual di atas, pelajar yang mengambil pakej STEM A dan STEM B (aliran sains) mempunyai kelebihan di mana mereka layak memohon lebih banyak program pengajian (meliputi bidang sains dan sastera/kemanusiaan) berbanding pelajar yang mengikuti aliran sastera (STEM C dan Kemanusiaan).

Laluan Akademik Lepasan STPM Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian			
STPM	Sarjana Muda (Tahap 6 MQA)		
ALIRAN	SAINS	SASTERA/ SAINS SOSIAL	HYBRID (SAINS & SASTERA)
SAINS	✅	✅	✅
SAINS SOSIAL		✅	

BIDANG PENGAJIAN DI IPT (ALIRAN SAINS)

Pelajar Aliran Sains mempunyai kelayakan yang luas untuk melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang penting yang berkaitan dengan sains, teknologi, kejuruteraan, dan perubatan. Selain itu, pelajar Aliran Sains juga layak memohon program-program pengajian Aliran Sastera/ Sains Sosial)

Antara bidang pengajian utama yang boleh dimohon adalah seperti berikut:

1. **Bidang Sains Biologi** (STEM A)
- Sains Biologi: Pengajian mengenai organisma hidup, genetik, evolusi, ekologi, mikrobiologi.
- Bioteknologi: Penggunaan teknologi dalam penyelidikan biologi dan pembangunan industri.
- Sains Bioperubatan: Pengajian sistem tubuh manusia dan penyakit berkaitan.
- Sains Haiwan: Pengajian tentang fisiologi dan penternakan haiwan.
- Botani: Pengajian tentang tumbuh-tumbuhan dan ekologi.
- Zoologi: Pengajian tentang haiwan dan habitatnya.
- Sains Marin dan Oseanografi: Pengajian tentang hidupan laut dan ekosistem lautan.
- Mikrobiologi: Pengajian tentang mikroorganisma dan aplikasinya.

2. **Bidang Sains Kimia** (STEM A & STEM B)
- Kimia: Pengajian bahan kimia dan reaksi dalam pelbagai keadaan.
- Kimia Perindustrian: Aplikasi kimia dalam industri pembuatan dan pengeluaran.
- Kimia Analisis: Pengajian tentang kaedah analisis bahan kimia.
- Kimia Organik dan Bukan Organik: Pengajian mengenai komposisi dan sifat bahan organik/bukan organik.
- Polimer dan Material Kimia: Pengajian tentang bahan polimer seperti plastik dan getah.
- Farmasi: Kajian dan pembangunan ubat-ubatan.
- Sains Forensik: Penggunaan kimia dalam penyiasatan jenayah.
-

3. **Bidang Sains Fizik** (STEM A & STEM B)
- Fizik: Pengajian tentang tenaga, kuasa, pergerakan, dan fenomena semula jadi.
- Fizik Gunaan: Aplikasi teori fizik dalam industri dan teknologi.
- Astrofizik: Pengajian tentang bintang, planet, dan alam semesta.
- Fizik Nuklear: Pengajian tentang zarah subatom dan tenaga nuklear.
- Fizik Bahan: Pengajian tentang sifat fizikal bahan dan aplikasinya dalam teknologi.
- Optik dan Laser: Pengajian tentang cahaya dan aplikasinya dalam teknologi.
- Sains Alam Sekitar Fizik: Kajian aplikasi fizik dalam pemantauan dan pengurusan alam sekitar.

4. **Bidang Sains Perubatan dan Kesihatan** (STEM A)
- Perubatan: Pengajian dan latihan dalam diagnosis dan rawatan penyakit.
- Pergigian: Pengajian tentang rawatan dan penjagaan gigi dan mulut.
- Farmasi: Pengajian bagi penghasilan dan penggunaan ubat-ubatan.
- Sains Kejururawatan: Pengajian dan latihan dalam penjagaan pesakit.
- Sains Dietetik dan Pemakanan: Pengajian tentang pemakanan manusia dan kesannya terhadap kesihatan.
- Sains Forensik Perubatan: Analisis saintifik dalam kes jenayah.
- Optometri: Pengajian tentang kesihatan mata dan penjagaan penglihatan.

5. **Bidang Sains Matematik** (STEM A & STEM B)
- Matematik: Pengajian tentang nombor, struktur, ruang, dan perubahan.
- Matematik Gunaan: Aplikasi matematik dalam sains, teknologi, dan industri.
- Statistik: Analisis dan interpretasi data.
- Matematik Aktuari: Analisis risiko dan ketidakpastian dalam kewangan dan insurans.
- Sains Komputasi: Pengiraan dan penyelesaian masalah menggunakan komputer.

6. **Bidang Sains Alam Sekitar** (STEM A & STEM B)
- Sains Alam Sekitar: Pengajian ekologi, pemuliharaan, dan pencemaran alam sekitar.
- Pengurusan Sumber Asli: Pengurusan sumber seperti air, tanah, dan hutan secara lestari.
- Sains Marin: Kajian tentang ekosistem laut, hidupan laut, dan teknologi pemuliharaan laut.
- Sains Iklim dan Atmosfera: Pengajian perubahan iklim, fenomena cuaca, dan pemanasan global.
- Kejuruteraan Alam Sekitar: Aplikasi teknologi dalam pengurusan dan penjagaan alam sekitar.

7. **Bidang Kejuruteraan dan Teknologi** (STEM A & STEM B)
- Kejuruteraan Awam: Pengajian reka bentuk dan pembinaan infrastruktur.
- Kejuruteraan Mekanikal: Reka bentuk, penghasilan, dan penyelenggaraan sistem mekanikal.
- Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik: Pengajian tentang sistem tenaga, elektronik, dan telekomunikasi.
- Kejuruteraan Kimia: Pemprosesan bahan mentah menjadi produk yang lebih bernilai.
- Kejuruteraan Aeroangkasa: Pengajian reka bentuk dan pembangunan pesawat udara dan angkasa.
- Kejuruteraan Perisian: Pembangunan perisian untuk aplikasi dalam pelbagai industri.
- Mekatronik: Gabungan kejuruteraan mekanikal, elektronik, dan kawalan komputer.
- Automotif: Pengajian reka bentuk, pembangunan, dan pengurusan teknologi automotif.

8. **Bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat** (STEM A & STEM B)
- Sains Komputer: Pengajian tentang pengiraan, algoritma, dan pengaturcaraan komputer.
- Data Sains: Analisis data besar untuk membuat keputusan strategik.
- Kecerdasan Buatan: Pembangunan sistem pintar yang boleh mempelajari dan membuat keputusan sendiri.
- Keselamatan Siber: Perlindungan sistem komputer daripada serangan siber.
- Sistem Maklumat: Pengurusan dan aplikasi teknologi maklumat dalam organisasi.

BIDANG PENGAJIAN DI IPT (ALIRAN SASTERA/ SAINS SOSIAL)

Pelajar yang mengambil pakej Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas SPM mempunyai peluang untuk melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan sains sosial, kemanusiaan, komunikasi, perundangan, dan seni. Bidang ini menyediakan peluang kerjaya dalam sektor pendidikan, perkhidmatan awam, media, perundangan, dan banyak lagi. Pelajar Aliran Sastera tidak layak memohon program-program pengajian Aliran Sains)

Antara bidang pengajian utama yang boleh dimohon adalah seperti berikut:

1. **Bidang Sastera dan Kemanusiaan**
   - Sastera: Pengajian karya sastera, teori sastera, sejarah kesusasteraan, dan pengkritikan sastera.
   - Sejarah: Pengajian peristiwa sejarah dunia, tamadun, dan perkembangan sosio-politik dari zaman purba hingga moden.
   - Geografi: Pengajian fenomena geografi, alam sekitar, pengurusan sumber bumi, dan hubungan manusia dengan persekitaran.
   - Falsafah: Pengajian mengenai konsep-konsep asas kewujudan, etika, logik, dan metafizik.
   - Linguistik: Pengajian bahasa, strukturnya, perkembangan bahasa, dan hubungan antara bahasa dan budaya.
   - Kesusasteraan Inggeris: Pengajian mengenai karya sastera berbahasa Inggeris, termasuk novel, puisi, dan drama.
   - Antropologi dan Sosiologi: Pengajian tentang masyarakat, budaya, dan interaksi sosial.
   - Psikologi: Pengajian tentang minda manusia, tingkah laku, emosi, dan perkembangan mental.
   - Hubungan Etnik: Pengajian hubungan antara etnik dan budaya yang berbeza dalam sesebuah masyarakat.

2. **Bidang Pendidikan**
   - Pendidikan Awal Kanak-Kanak: Kajian dan latihan mengenai pembangunan awal kanak-kanak dan kaedah pengajaran prasekolah.
   - Pendidikan Sekolah Rendah/Sekolah Menengah: Program latihan untuk menjadi guru dalam subjek-subjek tertentu di sekolah rendah atau menengah.
   - Pendidikan Khas: Pengajaran dan penjagaan pelajar dengan keperluan khas.
   - Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran pendidikan Islam di sekolah dan institusi pendidikan Islam.
   - Teknologi Pendidikan:Penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
   - Pengajaran Bahasa: Program untuk menjadi guru bahasa, termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan bahasa-bahasa asing lain.
   - Pendidikan Moral: Pengajian mengenai aspek moral, etika, dan falsafah pendidikan dalam konteks pengajaran.

3. **Bidang Perundangan**
   - Undang-Undang (LLB): Pengajian tentang perundangan, keadilan, dan sistem kehakiman. Ini termasuk undang-undang sivil, jenayah, perlembagaan, dan antarabangsa.
   - Kriminologi: Pengajian tingkah laku jenayah, undang-undang jenayah, dan sistem keadilan jenayah.
   - Undang-Undang Syariah: Pengajian undang-undang Islam dan aplikasi perundangan dalam konteks masyarakat Islam.

4. **Bidang Falsafah, Etika, dan Pengajian Agama**
   - Falsafah: Pengajian mengenai idea, pemikiran, dan konsep falsafah dari pelbagai tamadun.
   - Etika: Pengajian mengenai prinsip moral, etika profesional, dan isu etika dalam konteks moden.
   - Pengajian Agama: Pengajian tentang pelbagai agama, termasuk falsafah, sejarah, dan pengaruh sosial agama-agama besar di dunia.
   - Kajian Ketamadunan: Pengajian mengenai tamadun manusia, budaya, dan sejarah pemikiran.

5. **Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan**

- Sains Politik: Pengajian tentang teori politik, kerajaan, dasar awam, dan hubungan antarabangsa.
- Hubungan Antarabangsa: Pengajian mengenai hubungan antara negara, diplomasi, dan politik global.
- Pengajian Pembangunan: Pengajian tentang pembangunan sosial dan ekonomi, termasuk isu kemiskinan, globalisasi, dan kemajuan masyarakat.
- Ekonomi: Pengeluaran, pengedaran, dan penggunaan barangan dan perkhidmatan, serta dasar ekonomi.
- Pengajian Islam: Pengajian mengenai syariah, perundangan Islam, tafsir Al-Quran, dan hadis.
- Sains Kemanusiaan: Gabungan pelbagai disiplin dalam sains sosial dan kemanusiaan, termasuk sosiologi, antropologi, dan kajian budaya.
- Kajian Gender: Pengajian tentang isu-isu gender, peranan wanita dan lelaki dalam masyarakat, dan feminisme.
- Kajian Asia Tenggara: Pengajian mengenai sejarah, budaya, dan politik negara-negara di Asia Tenggara.

6. **Bidang Komunikasi dan Media**

- Komunikasi Massa: Pengajian mengenai media massa, kewartawanan, penyiaran, pengiklanan, dan perhubungan awam.
- Kewartawanan: Pengajian mengenai teknik penulisan berita, laporan, dan etika kewartawanan.
- Perhubungan Awam: Pengajian tentang komunikasi korporat, pengurusan imej awam, dan strategi komunikasi organisasi.
- Pengiklanan: Pengajian mengenai strategi kreatif, pemasaran, dan komunikasi untuk kempen pengiklanan.
- Penyiaran: Pengajian mengenai penghasilan kandungan televisyen, radio, dan media digital.
- Komunikasi Korporat: Pengajian mengenai komunikasi organisasi, termasuk hubungan dalaman dan luaran.
- Pengurusan Media: Pengurusan industri media, termasuk penerbitan, penyiaran, dan media digital.

7. **Bidang Pengurusan dan Perniagaan**

- Pengurusan Perniagaan: Pengajian mengenai strategi pengurusan, pemasaran, kewangan, dan sumber manusia.
- Kewangan: Pengurusan kewangan, pelaburan, dan analisis kewangan dalam perniagaan.
- Perakaunan: Analisis, pelaporan, dan pengurusan kewangan untuk membantu individu atau organisasi membuat keputusan kewangan yang tepat.
- Pemasaran: Pengajian tentang strategi pemasaran, tingkah laku pengguna, dan pengiklanan.
- Pentadbiran Awam: Pengurusan dan pentadbiran sektor awam dan kerajaan.
- Sumber Manusia: Pengurusan pekerja, latihan, dan pembangunan dalam organisasi.
- Kejuruteraan Sosial: Pengajian reka bentuk dan implementasi dasar sosial untuk memperbaiki kesejahteraan masyarakat.
- Pengurusan Hospitaliti dan Pelancongan: Pengajian mengenai industri perhotelan, pengurusan restoran, pelancongan, dan acara.

8. **Bidang Seni Halus dan Kreatif**

- Seni Persembahan: Pengajian mengenai teater, lakonan, tarian, dan produksi seni persembahan.
- Seni Reka: Pengajian mengenai seni visual, reka bentuk grafik, reka bentuk industri, dan seni kreatif lain.
- Muzik: Pengajian tentang teori muzik, penghasilan muzik, dan persembahan muzik.
- Filem dan Animasi: Pengajian mengenai penghasilan filem, penyuntingan, pengarahan, dan animasi.
- Seni Visual: Pengajian mengenai lukisan, seni arca, dan seni fotografi.

PROSPEK KERJAYA

Berdasarkan pilihan pakej mata pelajaran di peringkat SPM/ STPM, secara amnya peluang kerjaya yang berkaitan adalah seperti berikut:

ALIRAN	BIDANG PENGAJIAN	KERJAYA
SAINS	Sains Hayat (Sains Tulen)	Perubatan, Pergigian, Farmasi, Kejururawatan, Pengimejan Perubatan, Optometri, Fisioterapi dan bidang lain yang berkaitan
	Sains Fizikal	Kejuruteraan, Alam Bina, Ukur Bahan, Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Sains Aktuari dan bidang lain berkaitan
	Teknkal & Vokasional	Pengurusan Teknologi, Teknologi Elektrik & Elektronik, Teknologi Automotif, Teknologi Pembinaan Bangunan, Teknologi Penyejukan dan Penyaman Udara Industri, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Hospitaliti dan bidang lain berkaitan
SASTERA/ SAINS SOSIAL	Perniagaan	Perakaunan, Ekonomi, Perniagaan & Pentadbiran, Keusahawanan, Insurans & Pengurusan Risiko, Kewangan, Pemasaran, Perbankan, Perdagangan, Pelaburan dan bidang lain yang berkaitan
	Kemanusiaan	Pendidikan, Persembahan, Seni Halus, Undang-undang, Psikologi, Sosiologi, Antropologi, Falsafah, Kaunseling, Sains Politik, Komunikasi Massa, Kajian Media dan bidang lain yang berkaitan
HYBRID	Gabungan Sains & Satera	Mana-mana bidang yang berkaitan meliputi Sains dan Sastera/ Kemanusiaan

Untuk maklumat prospek kerjaya secara spesifik mengikut bidang pengajian, boleh layari laman web: www.uniassist.my

Syarat Permohonan

IPTA/ ILKA

APAKAH SYARAT PEMILIHAN KE IPTA/ ILKA ?

Kejayaan mendapat tempat ke IPTA melalui permohonan di UPU Online adalah bergantung kepada empat (4) komponen berikut:

SYARAT AM & SYARAT KHAS

Pencapaian Gred Minimum

Bagi tujuan kemasukan ke universiti awam, semua universiti menetapkan syarat kemasukan yang dikategorikan sebagai Syarat Am dan Syarat Khas.

Bagi program Asasi dan Diploma, Syarat Am yang ditetapkan universiti awam dan Politeknik adalah **memperoleh minimum Kepujian (Gred C) bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu dan Lulus Sejarah**.

Kebanyakan universiti awam juga meletakkan Syarat Khas sekurang-kurangnya kepujian (Gred C) bagi mata pelajaran Matematik khususnya bagi permohonan program-program aliran sains. Sehubungan itu adalah amat penting untuk para pelajar memberi fokus dan memastikan Mata Pelajaran ini mencapai gred minimum yang diperlukan mengikut bidang pengajian yang dipilih.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA

LEMBAGA PEPERIKSAAN
EXAMINATION SYNDICATE

Calon yang tercatat namanya di bawah telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan layak dianugerahi

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

BT148A055
SMK HULU SUNGAI

Mata Pelajaran *Subject*	Gred *Grade*
BAHASA MELAYU	A+ (CEMERLANG TERTINGGI)
BAHASA INGGERIS	A (CEMERLANG TINGGI)
SEJARAH	A- (CEMERLANG)
MATEMATIK	B (KEPUJIAN TINGGI)
MATEMATIK TAMBAHAN	B (KEPUJIAN TINGGI)
PRINSIP PERAKAUNAN	A (CEMERLANG TINGGI)
EKONOMI	A (CEMERLANG TINGGI)
FIZIK	A- (CEMERLANG)
KIMIA	A- (CEMERLANG)
PENDIDIKAN AGAMA ISLAM	A- (CEMERLANG)

UJIAN LISAN BAHASA MELAYU: CEMERLANG

Keperluan Mata Pelajaran SPM

Berdasarkan keperluan MQA, Syarat Am untuk lepasan SPM setaraf memohon program pengajian adalah seperti jadual tertera.

Selain Syarat Am tersebut, pemohon juga perlu memenuhi Syarat Khas program yang memerlukan gred dan mata pelajaran khusus yang berbeza mengikut program yang ditetapkan oleh IPTA.

Program	Syarat Minimum
Asasi	5 kepujian
Matrikulasi	5 kepujian (pengajian 1 tahun)
	3 Kepujian (pengajian 2 tahun)
Diploma	3 Kepujian
Pra-Diploma	3 Kepujian
Sijil	Lulus SPM

Keperluan Mata Pelajaran STPM

Untuk tujuan kemasukan ke IPTA, keputusan terbaik bagi empat mata pelajaran akan diambil kira termasuk Pengajian Am.

Selain itu, IPTA juga menetapkan keperluan Syarat Am di peringkat SPM iaitu memperoleh minimum Kepujian (Gred C) bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu dan Lulus Sejarah.



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
Keputusan Peperiksaan Semester 1 STPM 2020

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Angka Giliran :
Bil. Mata Pelajaran didaftarkan : 4

KOD KERTAS	NAMA KERTAS	GRED KERTAS	NILAI GRED KERTAS
900/1	PENGAJIAN AM 1	C+	2.33
910/1	BAHASA MELAYU 1	B	3.00
940/1	SEJARAH 1	B-	2.67
944/1	EKONOMI 1	D+	1.33

PERINCIAN SYARAT AM UNTUK PERMOHONAN IPTA/ ILKA

Pelajar yang memohon memasuki IPTA/ ILKA perlu memenuhi keperluan minimum Syarat Am yang ditetapkan bagi melayakkan memohon mengikut kategori program yang ditetapkan.

Lepasan SPM

KELAYAKAN SPM UNTUK KEMASUKAN KE UNIVERSITI AWAM (UA)

ASASI

Pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya:

- LIMA (5) Kepujian termasuk Bahasa Melayu
- Lulus Sejarah

DIPLOMA

Pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya:

- TIGA (3) Kepujian termasuk Bahasa Melayu
- Lulus Sejarah

KELAYAKAN SPM UNTUK KEMASUKAN KE INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM (ILKA)

DIPLOMA

Pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya:

- Lulus Bahasa Melayu ATAU Sejarah

SIJIL

Pemohon mestilah:

- Menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- Boleh membaca, menulis dan mengira dalam Bahasa Melayu ATAU Bahasa Inggeris

KELAYAKAN SPM UNTUK KEMASUKAN KE POLITEKNIK/ KOLEJ KOMUNITI

ASASI

Pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya:

- LIMA (5) Kepujian termasuk Bahasa Melayu
- Lulus Sejarah

DIPLOMA

Pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya:

- TIGA (3) Kepujian termasuk Bahasa Melayu
- Lulus Sejarah

SIJIL

Pemohon mestilah:

- Menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- Boleh membaca, menulis dan mengira.

Lepasan STPM

STPM

SPM
- Kepujian Bahasa Melayu
- Lulus Sejarah

STPM
- PNGK 2.00
- Gred C (2.00) dalam 3 Mata Pelajaran termasuk Pengajian Am

STAM

SPM
- Kepujian Bahasa Melayu
- Lulus Sejarah

STAM
- Pangkat Jayyid

MATRIKULASI/ ASASI

SPM
- Kepujian Bahasa Melayu
- Lulus Sejarah

MATRIKULASI/ ASASI
- PNGK 2.00

MUET **Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysia University English Test (MUET)**

Memahami Kepentingan **MERIT**

KAEDAH PEMILIHAN KE IPT MELALUI UPU ONLINE



Persaingan Merit

Kemasukan pelajar ke Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti (KK) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dibuat berasaskan prinsip meritokrasi dengan menyusun semua calon yang layak, tanpa mengira kaum, agama, jantina, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal mengikut markah merit tertinggi hingga terendah.

Prinsip meritokrasi tersebut adalah berasaskan pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum (10%).

Sehubungan itu, pelajar dinasihatkan untuk mengambil sembilan (9) atau sekurang-kurangnya lapan (8) Mata Pelajaran (MP) dalam peperiksaan SPM (4 MP Universal, 2 MP Pakej dan 2 lain-lain MP terbaik) bagi meningkatkan peluang apabila memohon ke IPT khususnya melalui UPUOnline.

Ini kerana selain syarat minimum tersebut, para pelajar perlu bersaing dari segi pengiraan merit yang memerlukan pencapaian gred yang baik untuk dipilih mengikut keperluan program khususnya program-program dalam bidang kompetitif.

PRINSIP MERITOKRASI

Dalam proses penempatan, UPU menggunakan prinsip meritokrasi, di mana 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum digunakan untuk menentukan kelayakan pelajar. Ini dilakukan tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, negeri, atau tempat tinggal pelajar. Hanya pemohon Kategori Diploma/ Setaraf sahaja yang menggunakan 100 peratus pencapaian CGPA/ PNGK.





LALUAN KHAS

(Pengecualian Merit)

UPU juga menyediakan laluan khas untuk kumpulan tertentu. Laluan khas ini adalah mod kemasukan yang diwujudkan bagi empat (4) kumpulan iaitu **Orang Asli, B40, Atlet dan OKU** di mana kumpulan ini akan diproses pemilihan kemasukan tanpa perlu bersaing dalam sistem meritokrasi kelompok perdana.

Walau bagaimanapun, pemilihan golongan ini masih tertakluk kepada memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan dan kekosongan tempat yang disediakan.

PENTINGNYA MERIT DALAM PERMOHONAN DI UPU ONLINE

MEMAHAMI SYARAT PEMILIHAN KE IPTA

Kejayaan mendapat tempat ke IPTA adalah bergantung kepada markah merit selain memenuhi Syarat Am dan Syarat Khas program pengajian, perakuan temu duga dan/atau ujian bagi yang memerlukan syarat berkenaan, kekosongan tempat dan keutamaan pilihan.

Ini bermaksud, walaupun seseorang calon telah memenuhi syarat am dan khas program yang ingin dimohon, peluang penawaran adalah bergantung kepada markah merit. Lebih tinggi markah merit calon, maka lebih tinggilah peluang untuk ditawarkan program tersebut.

Bagi program-program kompetitif seperti perubatan, undang-undang, farmasi atau kejuruteraan, purata merit adalah sangat tinggi.

CONTOH MERIT UNTUK PERMOHONAN PROGRAM

Bagi memudahkan pelajar memahami kepentingan pencapaian merit ini untuk permohonan program di UPU Online, rujuk contoh di bawah bagi bidang perubatan:

Bidang Perubatan
Bagi program Asasi Sains Hayat atau Asasi Perubatan, purata merit iaitu mata merit yang berjaya ditawarkan program pada tahun-tahun sebelumnya adalah di antara 80.41 hingga 94.73 bergantung kepada IPT yang menawarkannya. Manakala di peringkat Sarjana Muda pula, purata merit bagi bidang perubatan ini adalah di antara 96.99 hingga 99.89.

Sehubungan itu, bagi memperoleh mata merit minimum untuk memohon Asasi Sains Hayat iaitu 80.41%, dengan mengambil kira pelajar memperoleh markah penuh ko-kurikulum iaitu 10 peratus maka pelajar perlu memperoleh sekurang-kurangnya pencapaian gred mata pelajaran seperti contoh di bawah:

SEMAKAN MARKAH MERIT

Sebagai panduan untuk mengetahui mata merit bagi setiap bidang pengajian di UPU Online, pelajar boleh ke pautan di bawah.

SCAN ME

KAEDAH PENGIRAAN MARKAH MERIT SECARA MANUAL

Kiraan Markah Merit secara manual ini hanya sebagai panduan pelajar memahami kaedah mendapatkan markah merit. Tidak perlu risau untuk kiraan merit ini kerana Aplikasi UPUPocket akan membuat kiraan markah ini secara automatik bila pelajar membuat permohonan nanti.

CONTOH KIRAAN MERIT:

1. Merit Mata Pelajaran Universal (40%)

Mata Pelajaran	Gred	Markah
BAHASA MELAYU	A+	18
BAHASA INGGERIS	A	16
MATEMATIK	B+	12
SEJARAH	B	10
JUMLAH		**56**

2. Merit Mata Pelajaran Pakej (30%): DUA (2) Mata Pelajaran Pakej (contoh STEM A)

Mata Pelajaran	Gred	Markah
FIZIK	B	10
MATEMATIK TAMBAHAN	B+	12
JUMLAH		**22**

Markah= (56/72) x 40% = 31

3. Merit Mata Pelajaran Terbaik (10%): Dua (2) Mata Pelajaran Lain Terbaik

Mata Pelajaran	Gred	Markah
PENDIDIKAN ISLAM	A	18
KIMIA	B+	12
JUMLAH		30

Markah= (22/36) x 30% = 18.3

KIRAAN MARKAH MERIT KESELURUHAN

Markah= (30/36) x 10% = 8.3

1. Markah Mata pelajaran (MP) Universal + MP Pakej + MP Terbaik Lain
   =31+18.3+8.3 =57.6

2. Jumlah markah ini dibahagi dengan Jumlah Markah Merit (80 markah) dan didarabkan dengan peratus Markah Akademik (90%)
   =(57.6/80) x 90%= 64.8 (Jumlah Markah Akademik yang dicapai pelajar adalah 64.8)

3. Untuk mendapat Markah Merit Keseluruhan, Jumlah Markah Akademik di atas ditambah dengan Markah Kokurikulum yang diperolehi pelajar (10%).
   Jika pelajar memperoleh Markah Kokurikulum 8 daripada keseluruhan 10 markah maka:

MARKAH MERIT PELAJAR
=Markah Akademik (90%) + Markah Kokurikulum (10%)
64.8 + 8 = **72.8**

UPU POCKET

UPUPOCKET DAN KAEDAH PENGIRAAN MERIT

UPUPocket adalah satu aplikasi mudah alih (mobile) yang dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi yang bertujuan membantu pelajar dan ibu bapa mendapatkan perkhidmatan dan rujukan dalam urusan kemasukan pelajar ke Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam.



KEMUDAHAN APLIKASI UPUPOCKET

Di antara kemudahan yang disediakan melalui aplikasi UPU Pocket adalah seperti berikut:

1. Semakan Status UPU
Membolehkan pelajar menyemak status permohonan, semakan kelayakan dan semakan keputusan termasuk rayuan permohonan.

2. e-Panduan
Maklumat program dan syarat kemasukan ke IPTA.

3. Kalkulator Merit
Pemohon boleh membuat kiraan pencapaian merit individu menggunakan aplikasi yang disediakan untuk tujuan pemilihan program mengikut bidang pengajian. Pelajar perlu membuat perbandingan markah merit ini dengan purata merit program yang ingin dipilih.

4. Takwim Pengambilan
Menyediakan butiran mengenai tarikh penting yang berkaitan dengan aktiviti permohonan dan UPUonline dan kemasukan ke IPTA.

5. Direktori IPTA
Maklumat IPTA termasuk alamat, emel dan nombor telefon untuk dihubungi bagi pertanyaan lanjut berkaitan program yang ditawarkan

Muat turun aplikasi UPUPOCKET melalui APPSTORE IOS atau GOOGLE PLAY STORE pada peranti pintar anda.

Download on the App Store

GET IT ON Google Play

KAEDAH PENGGUNAAN UPUPOCKET

Kaedah Pengiraan Markah Merit Menggunakan Kalkulator Merit dalam Aplikasi UPU Pocket

Untuk memudahkan pelajar mendapatkan markah merit masing-masing, UPUPocket telah menyediakan kemudahan Kalkulator Merit.

Contoh di bawah adalah bagi pengiraan merit kategori Lepasan SPM Tahun Semasa:

1. Klik Kalkulator Merit
2. Pilih Kategori Lepasan SPM Tahun Semasa
3. Masukkan gred yang dicapai berdasarkan mata pelajaran yang dipaparkan serta Markah Ko-Kurikulum (boleh dapatkan daripada pihak sekolah).
4. Klik untuk mengira markah Merit
5. Kalkulator akan memaparkan markah Merit yang diperolehi.



SEMAK PURATA MERIT PROGRAM DAN UNIVERSITI PILIHAN

Selepas memperoleh Markah Merit, pelajar boleh membuat semakan dan perbandingan markah merit bagi program yang hendak dimohon.

Berikut adalah contoh bagi semakan program yang boleh dipohon oleh lepasan SPM Tahun Semasa.

1. Klik e-Panduan
2. Pilih Kategori A untuk lepasan SPM Tahun Semasa
3. Klik IPTA/ILKA
4. Pilih IPT untuk melihat senarai program pengajian yang ditawarkan
5. Semak senarai program dan purata merit bagi program yang hendak dipilih

Panduan Permohonan

UPU ONLINE

UPU Online adalah sistem permohonan yang diselenggarakan oleh
Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA),
Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT),
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

APA ITU
UPU ONLINE?

UPU Online adalah sebuah sistem yang diselenggarakan oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA) di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), dahulunya dikenali sebagai Unit Pusat Universiti (UPU) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Sistem ini bertujuan untuk menyelaras proses kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia. Ini termasuk 20 Universiti Awam (UA), 3 Politeknik Premier, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kolej Matrikulasi KPM, Politeknik Konvensional/METrO, Kolej MARA, Kolej Profesional MARA, Kolej Komuniti, dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

MEMULAKAN PERMOHONAN **UPU ONLINE**

KELAYAKAN & KATEGORI PEMOHON

1. Kelayakan Pemohon (Lepasan SPM Setaraf)

Permohonan memasuki UA/ IPTA adalah terbuka kepada Warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap yang mempunyai No.KP/ MyKad sahaja. Kategori pemohon yang layak memohon program di peringkat Asasi/ Sijil/ Diploma adalah pelajar lepasan SPM dan setaraf seperti jadual di bawah.

KATEGORI SPM	BUTIRAN KELAYAKAN
A	Pemohon yang menggunakan kelayakan SPM tahun semasa
B	Pemohon yang menggunakan keputusan SPM bukan tahun semasa. (SPM untuk 2 tahun sebelumnya sahaja)

Bolehkah saya mohon UPU Online sedangkan saya belum mendapat keputusan SPM lagi?

Boleh.

- Anda sememangnya digalakkan untuk memohon UPU Online lebih awal bagi memastikan anda faham bagaimana untuk menggunakan UPU Online. Anda boleh memilih program pengajian berdasarkan keputusan percubaan dan bidang yang diminati.
- Setelah memperoleh keputusan SPM, anda hanya perlu mengemaskini maklumat pilihan program pengajian supaya program yang dipilih memenuhi syarat am dan khas yang ditetapkan.
- Anda boleh mengelakkan sebarang masalah teknikal/ kesesakan jika mohon UPU Online lebih awal.

2. Kelayakan Pemohon (Lepasan STPM Setaraf)

Permohonan memasuki UA/ IPTA adalah terbuka kepada Warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap yang mempunyai No.KP/ MyKad sahaja. Kategori pemohon yang layak untuk memohon program di peringkat Sarjana Muda adalah pelajar lepasan STPM/ setaraf seperti jadual di bawah.

KELAYAKAN STPM/ SETARAF	KATEGORI	BUTIRAN KELAYAKAN
LEPASAN STPM	S	STPM TAHUN SEMASA (SAINS)
	A	SASTERA
LEPASAN MATRIKULASI / ASASI	N	MATRIKULASI / ASASI (SAINS): Aliran Sains Calon Matrikulasi KPM, Asasi Sains UM, AsasiPintar UKM dan Asasi UiTM
	P	MATRIKULASI PERAKAUNAN: Aliran Perakaunan Calon Matrikulasi KPM
	U	ASASI UNDANG-UNDANG: Aliran Undang-undang (KPM) Calon Asasi UiTM
	K	ASASI KEJURUTERAAN: Aliran Kejuruteraan Calon Asasi UiTM
	L	ASASI TESL: Aliran Bahasa Inggeris Calon Asasi UiTM (TESL)
	J	MATRIKULASI KEJURUTERAAN: Aliran Kejuruteraan Calon Matrikulasi KPM.
	M	ASASI SAINS SOSIAL Calon Asasi Sains Sosial UM
	V	ASASI TVET Calon Asasi Politeknik
LEPASAN STAM	T	STAM
KELAYAKAN SETARAF	G	G1 : DIPLOMA UA G2 : DIPLOMA POLITEKNIK / KOLEJ KOMUNITI
	E	E1 : DKM / DLKM E2 : DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA (DVM) E3 : DIPLOMA ILKA / IPTS / LUAR NEGARA / LAIN-LAIN DIPLOMA
	F	F1 : A-LEVEL F2 : INTERNATIONAL BACCALAUREATE DIPLOMA (IBD) F3 : SEKOLAH SUKAN F4 : STPM BUKAN TAHUN SEMASA F5 : MATRIKULASI / ASASI BUKAN TAHUN SEMASA F6 : STAM BUKAN TAHUN SEMASA F7 : AUSMAT / SAM / CPU F8 : FOUNDATION IPTS

FASA PERMOHONAN

Secara umumnya proses permohonan UPU Online terbahagi kepada empat (4) Fasa seperti berikut:

FASA 1 (PERMOHONAN)

Fasa 1 biasanya untuk pelajar yang baru sahaja menyelesaikan SPM atau STPM. Pada Fasa 1 semua program akan disenaraikan untuk permohonan (Program Bertemuduga dan Tanpa Temuduga). Pelajar lepasan SPM tahun semasa akan membuat permohonan program berdasarkan keputusan Percubaan SPM.

Permohonan untuk Fasa 1 biasanya dibuka pada awal tahun dan berlangsung selama satu (1) bulan. Fasa 1 kebiasaannya akan berlangsung antara Februari hingga Mac. Bagi tahun 2024, permohonan UPU Online mula dibuka pada 29 Februari 2024.

FASA 2 (PERMOHONAN)

Fasa 2 akan berlangsung antara April hingga Mei bagi membuka peluang kedua untuk pelajar yang tidak berjaya memohon dalam Fasa 1 atau terlepas tarikh permohonan Fasa 1. Walau bagaimanapun, **hanya program tanpa temuduga sahaja** yang boleh dipohon/ dikemaskini. Bagi tahun 2024, permohonan Fasa 2 mula dibuka pada April 2024.

? Apakah perbezaan permohonan Fasa 1 dan Fasa 2 bagi pelajar Matrikulasi/ Asasi?

- Pada Fasa 1, pemohon lepasan Matrikulasi/ Asasi akan mengisi maklumat peribadi dan pilihan program berdasarkan keputusan semester 1.
- Pada Fasa 2, pemohon hanya boleh membuat pilihan program berdasarkan keputusan penuh peperiksaan dan bagi program bukan bertemuduga sahaja.

FASA KEMASKINI

Fasa Kemaskini akan dibuka selepas Fasa 2 ditutup iaitu selepas hebahan keputusan SPM sebenar. Pada Fasa ini, senarai program yang dipohon oleh pelajar akan dikemaskini secara automatik berdasarkan keputusan sebenar SPM di mana program yang pelajar tidak memenuhi syarat kelayakan akan dikeluarkan daripada senarai Fasa 1/ Fasa 2. Pelajar perlu mengemaskini semula senarai permohonan program ini mengikut merit yang sesuai.

FASA RAYUAN

Bagi pemohon yang gagal mendapat sebarang tawaran daripada UPU Online, BKPA akan membuka peluang untuk pemohon membuat rayuan iaitu dalam tempoh 10 hari daripada tarikh keputusan diumumkan.

Pemohon yang telah mendapat tawaran tetapi menolak tawaran atau pemohon yang ingin membuat pertukaran program yang ditawarkan adalah tidak dibenarkan untuk membuat rayuan.

Kriteria pemohon yang boleh membuat rayuan
Hanya calon daripada kriteria berikut sahaja dibenarkan membuat rayuan:

- Pemohon yang tidak berjaya mendapat sebarang tawaran; atau
- Pemohon yang mendapat tawaran pengajian sijil

TARIKH-TARIKH PENTING

Secara amnya, keseluruhan proses kemasukan pelajar melalui UPU Online adalah seperti berikut. Pihak Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA) akan membuat hebahan tarikh-tarikh penting melalui portal di laman sosial BKPA.

Keseluruhan tempoh untuk permohonan di UPU Online bagi kategori lepasan SPM akan berlangsung selama enam (6 bulan) dan bagi kategori lepasan STPM setaraf selama lapan (8) bulan. Sebagai panduan, pelajar boleh merujuk kepada jadual proses permohonan yang telah berlangsung pada tahun 2024.

PROSES PERMOHONAN

1. **Pembelian Pin BSN (Nombor Unik ID UPU Online)**
   Bagi tujuan pendaftaran akaun untuk permohonan di UPU Online, pemohon perlu membuat pembelian Pin BSN sama ada di kaunter BSN atau secara dalam talian / ATM (bagi yang memiliki akaun BSN).



2. **Memulakan Permohonan**
   Layari portal rasmi UPU Online di https://upu.mohe.gov.my. Jika anda adalah pengguna baru, klik pada 'Daftar Akaun Baru'.

   Selepas mendaftar akaun baru dan klik "Daftar", tekan butang "Kembali".

   Masukkan semula maklumat Kad Pengenalan, Kata Laluan dan Kategori Pemohon sama ada SPM atau STPM/Setaraf. Kllik "Log Masuk".



3. **Dashboard UPUOnline**
   Untuk memulakan permohonan, klik menu "Permohonan di sebelah kiri Dashboard. Masukkan semula maklumat Kad Pengenalan dan pilih Kategori Pemohon.



4. Semak Syarat Kelayakan

Pelajar perlu menyemak syarat kelayakan (Syarat Am, Syarat Khas dan Purata Merit) dengan teliti untuk program yang anda minat. Anda boleh merujuk kepada e-panduan di portal UPU atau di Aplikasi UPUPocket.



5. Pemilihan Program

Pelajar diberi pilihan untuk memilih 12 program pengajian berdasarkan bidang yang anda minat. Walau bagaimanapun, pelajar hanya diwajibkan membuat 6 pilihan program sahaja. Pastikan anda memilih mengikut bidang keutamaan serta memenuhi syarat kelayakan dan merit yang diperlukan.

Bagi Kategori pemohon lepasan SPM/ STPM (tahun semasa), selepas keputusan sebenar SPM/ STPM setaraf diumumkan, sistem secara automatik akan membuat padanan keputusan peperiksaan sebenar dengan Lembaga Peperiksaan Malaysia/ Majlis Peperiksaan Malaysia/ KPM/ Pusat Asasi dan seterusnya menyenaraikan program-program yang layak sahaja. Pelajar seterusnya perlu mengemaskini semula senarai program pilihan mengikut kelayakan dan merit yang sesuai.



6. Pengesahan

Lengkapkan permohonan dan klik pada 'Simpan'.

7. Cetak Slip

Setelah selesai, cetak slip permohonan sebagai bukti dan rekod permohonan telah dibuat.

TIPS

LANGKAH-LANGKAH DALAM MEMBUAT PEMILIHAN PROGRAM DENGAN TEPAT

Jika merit pelajar lebih rendah daripada purata merit bidang yang ingin dipohon maka peluang untuk pelajar ditawarkan tempat bagi bidang tersebut adalah rendah memandangkan pelajar perlu bersaing dengan pemohon lain yang memperoleh merit lebih tinggi.

Sehubungan itu, buat pilihan program dengan bijak berdasarkan pencapaian dan kelayakan anda sendiri dan pilih program yang sesuai dengan Markah Merit anda sendiri supaya anda mempunyai peluang tinggi mendapat tawaran pengajian. Pilihlah program di mana markah merit anda sekurang-kurangnya setara atau lebih tinggi supaya pelajar berpeluang mendapat tawaran.

Semoga panduan ini membantu pelajar dan ibu bapa dalam membuat keputusan dan pilihan yang terbaik.

TIPS PENTING UNTUK PELAJAR SPM/STPM MEMILIH PROGRAM DI UPU ONLINE

1

Kenal pasti bidang pilihan yang diminati.

Sepertimana dimaklumkan pada awal buku panduan ini, adalah sangat penting untuk para pelajar mengenal pasti dan menetapkan bidang yang anda minati. Senaraikan pilihan bidang yang diminati dan susun mengikut tahap minat dan kelayakan.

Contoh:

ALIRAN	PILIHAN	BIDANG
STEM A	1	Perubatan
	2	Farmasi
	3	Kejuruteraan Kimia
	4	Sains Aktuarial
	5	Psikologi

TIPS

Semak Purata Merit

Para pelajar boleh membuat kiraan pencapaian merit melalui Kalkulator Merit di UPU Pocket. Sebelum membuat pilihan, adalah amat penting untuk membuat semakan purata merit bagi bidang yang ingin dipohon dan bandingkan dengan pencapaian merit pelajar sendiri. Jika merit pelajar lebih rendah daripada purata merit bidang yang ingin dipohon maka peluang untuk ditawarkan tempat bagi bidang tersebut adalah rendah memandangkan pelajar perlu bersaing dengan pemohon lain yang memperoleh merit lebih tinggi.

Contoh Purata Merit Mengikut Bidang Pengajian dan Program

PURATA 5 TAHUN MARKAH MERIT (LEPASAN SPM) JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

UNIVERSITI AWAM

IPTA & ILKA	KOD	PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM	MARKAH MERIT 2020/ 2021	MARKAH MERIT 2021/ 2022
UM	UM0440001	Asasi Sains Fizikal	91.96%	92.58%
UPSI	UA4143001	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak	79.97%	85.34%
UPSI	UA4481001	Diploma Sains Komputer (Komputeran Internet)	77.72%	84.79%
UiTM	UE4344001	Diploma Perakaunan	76.79%	78.51%
UiTM	UE4340001	Diploma Pengajian Perniagaan	70.61%	73.59%
UiTM	UE4481001	Diploma Sains Komputer	61.81%	64.67%
UPSI	UA4224001	Diploma Bahasa Inggeris #	58.92%	61.50%
UPSI	UA4813001	Diploma Sains Sukan Dan Kejurulatihan #	56.13%	59.01%
UPNM	UZ4813001	Diploma Kecergasan Pertahanan#	55.66%	57.33%

POLITEKNIK KONVENSIONAL

IPTA & ILKA	KOD	PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM	MARKAH MERIT 2020/ 2021	MARKAH MERIT 2021/ 2022
Politeknik Konvensional	FB4811005	Diploma Seni Kulinari	75.23%	78.10%
Politeknik Konvensional	FB4344001	Diploma Akauntansi	71.07%	69.37%
Politeknik Konvensional	FB4811003	Diploma Pengurusan Hotel	70.38%	72.42%
Politeknik Konvensional	FB4812001	Diploma Pelancongan Rekreasi	67.98%	64.23%
Politeknik Konvensional	FB4340004	Diploma Pengajian Perniagaan	67.25%	65.46%
Politeknik Konvensional	FB4811001	Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal	67.23%	68.61%
Politeknik Konvensional	FB4811002	Diploma Pengurusan Pelancongan	66.77%	62.64%
Politeknik Konvensional	FB4345001	Diploma Pengurusan Logistik Dan Rantaian Bekalan	65.03%	65.95%
Politeknik Konvensional	FB4482001	Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)	55.51%	56.32%

Apakah yang dimaksudkan dengan PURATA MERIT?

Purata Merit adalah Markah Merit secara purata pemohon-pemohon yang berjaya ditawarkan program tersebut bagi 2 tahun sebelumnya. Ianya sebagai panduan kepada pelajar iaitu berapa markah merit yang diperlukan untuk memohon sesuatu program.

Lebih tinggi pencapaian markah merit pelajar berbanding purata merit sesuatu program tersebut maka lebih tinggi peluang pelajar untuk menerima tawaran.

TIPS

3

Dapatkan Nasihat dan Bimbingan

Bincang dan dapatkan pandangan serta nasihat daripada mereka yang lebih arif dan berpengalaman khususnya kaunselor sekolah, ibu bapa, ahli keluarga, atau rakan-rakan yang lebih berpengalaman. Dapatkan sebanyak mungkin pandangan dan buat pertimbangan yang bersesuaian mengambil kira kelayakan yang ada, kecenderungan dan minat, kemampuan diri dan kewangan serta matlamat yang ingin pelajar capai.

4

Buat Pemiihan Program dengan Tepat

Setiap pemohon diberi peluang untuk menyenaraikan 12 program mengikut pilihan masing-masing dan sistem akan membuat semakan susunan Markah Merit berdasarkan 3 kriteria utama iaitu Syarat Kelayakan, Kekosongan Tempat dan Keputusan Ujian/Temuduga (bagi program bertemuduga sahaja).

Dalam keadaan di mana pelajar mencapai tahap minimum atau melebihi purata merit bidang pilihan, pecahkan 12 pilihan program di UPU Online kepada 3 atau 4 bidang teratas dengan pilihan di beberapa pilihan IPTA yang menawarkan program dalam bidang tersebut seperti disenaraikan mengikut syarat kelayakan.



TIPS

Contoh Susunan Jadual Pemilihan Program

Pilihan	Bidang Pilihan	Program	IPT
1	Perubatan	**Asasi Sains Hayat**	UM
2	Perubatan	**Asasi Pertanian**	UPM
3	Perubatan	**Tamhidi Perubatan, Pergigian Dan Sains**	USIM
4	Perubatan	**Asasi Perubatan**	UIAM
5	Kejuruteraan Kimia	**Asasi Sains Fizikal**	UM
6	Kejuruteraan Kimia	**Asasi Kejuruteraan**	UIAM
7	Kejuruteraan Kimia	**Asasi Kejuruteraan**	UiTM
8	Kejuruteraan Kimia	**Diploma Kejuruteraan Kimia**	UiTM
9	Farmasi	**Asasi Sains Hayat**	UM
10	Farmasi	**Asasi Farmasi**	UIAM
11	Farmasi	**Asasi Pertanian**	UPM
12	Farmasi	**Diploma Farmasi**	UiTM

Para pelajar diingatkan bahawa PILIHAN 1 adalah sangat penting.

Sehubungan itu:

1. Pelajar perlu meletakkan program yang diyakini paling berpotensi berdasarkan syarat kelayakan dan pencapaian merit untuk anda mendapat tawaran.
2. Jika purata merit anda lebih rendah daripada purata merit program di universiti pertama pilihan anda, peluang untuk mendapat tawaran adalah rendah kerana ramai pemohon yang memperoleh purata merit lebih tinggi yang akan memohon program dan universiti tersebut.
3. Oleh itu letak pilihan pertama di universiti di mana purata merit lebih rendah walaupun ianya bukan universiti pilihan pertama anda untuk meningkatkan peluang mendapat tawaran.
4. Bagi pelajar yang berminat memohon program bertemuduga/ujian, pastikan program tersebut diletakkan di senarai 1 hingga 4. Bagi program pengajian bertemuduga (bidang Pendidikan) letakkan pada Pilihan 1 hingga 2 sahaja.

SEMOGA TIPS INI DAPAT MEMBANTU PELAJAR MEMBUAT PILIHAN PROGRAM DENGAN BETUL DAN MEMAKSIMUMKAN PELUANG UNTUK MENDAPAT TAWARAN PROGRAM PILIHAN.

KEMASKINI PERMOHONAN

Langkah untuk mengemaskini permohonan di UPU Online adalah penting di mana pelajar yang telah membuat permohonan ke IPTA/ ILKA boleh mengemaskini maklumat atau pilihan program pengajian mereka sekiranya ada sebarang perubahan.

MENGAPA PERLU KEMASKINI?

- **Perubahan Pilihan Bidang Pengajian**:
  Pelajar mungkin ingin mengubah pilihan program berdasarkan minat atau keputusan peperiksaan yang sebenar.

- **Perubahan Maklumat**:
  Jika terdapat kesilapan/ perubahan dalam maklumat yang diberikan semasa fasa permohonan, pelajar boleh membuat pembetulan semasa fasa kemaskini.

CARA KEMASKINI PERMOHONAN

1. **Layari Portal UPU Online: https://upu.mohe.gov.my.**
2. **Log masuk ke akaun UPU Online anda.**
3. **Pilih Opsyen [Kemaskini]**
4. **Kemaskini Maklumat: Ikuti arahan untuk membuat perubahan maklumat atau program pilihan.**
5. **Simpan dan Sahkan: Pastikan semua maklumat adalah betul sebelum menyimpan dan mengesahkan kemaskini.**

TARIKH PENTING KEMASKINI

- Pembukaan: Proses kemaskini akan dibuka selepas tamatnya fasa permohonan.
- Penutupan: Proses kemaskini akan ditutup sebelum tarikh pengumuman keputusan permohonan UPUOnline.

Pemohon hanya boleh melakukan proses **kemaskini sekali sahaja**, jadi pastikan semua maklumat adalah tepat.

SENARAI SEMAK (CHECKLIST)
PERMOHONAN UPU ONLINE

TINDAKAN 1: PRA-PERMOHONAN		(✔)
1.	Tetapkan bidang yang ingin dipohon berdasarkan: · Minat dan Kecenderungan Pelajar · Bidang Yang Bersesuaian dengan Aliran & Kelayakan · Prospek Kerjaya	
TINDAKAN 2: PERMOHONAN		(✔)
1.	Beli Pin BSN untuk pendaftaran akaun UPU Online	
2.	Layari portal rasmi UPU Online di https://upu.mohe.gov.my.	
3.	Daftar Akaun Baru	
4.	Pilih Kategori pemohon	
5.	Lengkapkan butiran yang diperlukan seperti No Kad Pengenalan, Alamat, E-Mel, Soalan Keselamatan, Kata Laluan.	
6.	Semak Syarat Kelayakan untuk program yang ingin dipohon. Rujuk e-panduan di portal UPU.	
7.	Kira merit melalui aplikasi UPUPocket. Bandingkan markah merit anda dengan purata Merit program yang ingin dipohon di UPUPocket	
8.	Buat Pemilihan Program (12 pilihan) mengikut bidang keutamaan dan kelayakan serta markah merit anda.	
9.	Lengkapkan permohonan, buat pengesahan dan klik pada 'Simpan'.	
10.	Cetak slip permohonan sebagai bukti dan rekod.	
TINDAKAN 3: KEMASKINI PERMOHONAN		(✔)
1.	Selepas tamat tempoh permohonan, buat kemaskini permohonan sekiranya terdapat perubahan dalam bidang yang ingin dipilih atau perubahan maklumat pemohon.	

HEBAHAN DAN SEMAKAN KEPUTUSAN UPU ONLINE

Berdasarkan pada tahun-tahun sebelum ini, hebahan keputusan permohonan UPU Online kebiasaannya akan dibuat pada awal atau pertengahan bulan Julai setiap tahun (tertakluk kepada perubahan).

KAEDAH MEMBUAT SEMAKAN

Pemohon boleh membuat semakan keputusan melalui mana-mana kaedah berikut:

1. Portal Rasmi UPU Online

a. Layari portal rasmi UPU Online
di pautan: https://upu.mohe.gov.my
atau

melalui pautan alternatif universiti
awam yang disediakan iaitu:

https://jpt.utm.my
https://jpt.uum.edu.my
https://jpt.unimas.my
https://jpt.ums.edu.my
https://jpt.umt.edu.my

b. Masukkan Nombor Kad Pengenalan dan pilih kategori yang hendak disemak.

c. Klik masuk untuk melihat keputusan.

2. Aplikasi UPUPocket

Selain Portal di atas, pemohon juga boleh membuat semakan keputusan melalui Applikasi UPUPocket. Muat turun aplikasi UPUPocket dari Google Play Store atau Apple AppStore.

Aplikasi ini juga boleh digunakan untuk menyemak kelayakan kemasukan, ePanduan, pengiraan merit, status permohonan dan tarikh-tarikh penting UPU.

BAGAIMANA JIKA GAGAL MENDAPAT TAWARAN MELALUI UPU ONLINE?

PELUANG RAYUAN

Seperti dimaklumkan sebelum ini, pemohon yang tidak mendapat sebarang tawaran daripada UPU Online atau hanya mendapat tawaran program sijil, BKPA akan membuka peluang untuk pelajar membuat rayuan iaitu dalam tempoh 10 hari daripada tarikh keputusan diumumkan.

Untuk makluman, pemohon yang telah mendapat tawaran tetapi menolak atau pemohon yang ingin membuat pertukaran program yang ditawarkan adalah tidak dibenarkan untuk membuat rayuan.

Dasar pemilihan rayuan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat yang ditawarkan mengikut program pengajian selepas pendaftaran pelajar baharu selesai dilaksanakan.

KAEDAH PERMOHONAN RAYUAN

- Rayuan ke Universiti Awam (UA) dan Politeknik hanya melalui UPU Online.
- Rayuan ke Kolej Komuniti (KK) dan Institusi Latihan Kemahiran Latihan (ILKA) boleh dimajukan terus kepada institusi terbabit tanpa melalui UPU Online.

TIPS MEMBUAT PILIHAN PROGRAM UNTUK RAYUAN

- Sebaik-baiknya jangan senaraikan semula program-program seperti yang disenaraikan waktu permohonan dahulu khususnya program-program yang kompetetif kerana peluang untuk mendapat tawaran adalah tipis. Jika hendak senaraikan juga, pilihlah 1 atau 2 program yang mana merit pelajar lebih tinggi daripada purata merit program yang dipilih.

- Buat senarai program selain daripada program pilihan sebelum ini yang pelajar minat serta memenuhi syarat am dan khas yang diperlukan program tersebut.

- Senarai pendekkan kepada empat (4) program sahaja berdasarkan merit. Sebaik-baiknya pilih program yang mana merit pelajar adalah setara atau lebih daripada purata merit program tersebut.

- Paling penting adalah memilih program yang pelajar MINAT. Jangan letakkan populariti IPT atau di mana lokasi IPT tersebut berada sebagai keutamaan dalam memilih program.

- Jika ada pilihan program dalam senarai pelajar yang memerlukan temuduga, letakkan di dua (2) pilihan yang pertama atau teratas diikuti program yang tidak bertemuduga.

- Pastikan susun program yang paling diminati teratas dalam pilihan.

Pembiayaan

PENDIDIKAN

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Kos melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi bagi sebahagian daripada pelajar kadangkala di luar kemampuan dan memerlukan pembiayaan. Selain kos yuran pendaftaran dan pengajian, pelajar juga memerlukan pembiayaan untuk penginapan, peralatan pembelajaran seperti komputer dan buku, perbelanjaan makan, pengangkutan dan wang saku.

Selain Biasiswa dan Pinjaman Boleh Ubah, antara pilihan pembiayaan utama bagi kebanyakan pelajar Malaysia adalah melalui PTPTN. Ibu bapa yang mempunyai akaun simpanan KWSP juga boleh memohon untuk menggunakan sebahagian daripada simpanan mereka bagi tujuan membiayai pendidikan sendiri, pasangan dan anak-anak.

INSTITUSI PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Skim Pinjaman Pendidikan PTPTN diwujudkan bertujuan memberi pinjaman pendidikan kepada pelajar yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan. Pinjaman pendidikan ini akan membolehkan pelajar membiayai semua atau sebahagian daripada yuran pengajian dan juga perbelanjaan sara hidup sepanjang tempoh pengajian.

Kemudahan pinjaman pendidikan PTPTN dibuka kepada pelajar yang menyambung pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan.

Syarat permohonan

Syarat-syarat untuk memohon pinjaman pendidikan adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia berumur 45 tahun dan ke bawah pada tarikh permohonan;
- Menerima tawaran ke IPTA/ IPTS dan Politeknik
- Kursus yang anda ikuti hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi dan berdaftar dengan PTPTN serta mendapat akreditasi MQA
- Baki tempoh pengajian anda mestilah tidak kurang daripada satu tahun
- Anda tidak mempunyai penaja lain
- Anda mesti mempunyai akaun simpanan SSPN Prime/SSPN-i sebelum menghantar permohonan anda

PERINGKAT PENGAJIAN	KATEGORI IPT YANG DIBIAYAI
Diploma Sepenuh Masa	IPTA, Politeknik dan IPTS
Diploma Separuh Masa	IPTA, Politeknik dan IPTS*
Diploma PJJ	IPTA
Diploma Lanjutan	IPTA dan Politeknik
Ijazah Pertama Sepenuh Masa	IPTA dan IPTS
Ijazah Pertama Separuh Masa	IPTA dan IPTS*
Sarjana Sepenuh Masa/ Separuh Masa/ PJJ	IPTA
Doktor Falsafah Sepenuh Masa/ Separuh Masa/ PJJ	IPTA
Kursus Profesional Sepenuh Masa/ Separuh Masa/ PJJ	IPTA

Jumlah Pinjaman

Peringkat jumlah pinjaman ditentukan berdasarkan kelayakan di bawah:

PERINGKAT PINJAMAN	KELAYAKAN
Maksimum	Sekiranya pelajar atau penjaga pelajar disenaraikan sebagai penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR)
75% daripada pinjaman maksimum	Pendapatan keluarga tidak melebihi RM8,000 (tiada dalam data STR)
50% daripada pinjaman maksimum	Pendapatan keluarga melebihi RM8,000 (tiada dalam data STR)

KADAR PINJAMAN

Program Sepenuh Masa

Institusi	Peringkat Pengajian	Jumlah Pinjaman Setahun Mengikut Peringkat		
		Maksimum (RM)	75% (RM)	50% (RM)
Universiti Awam, Politeknik & Kolej komuniti	Integrasi/ Diploma	4,750	3,560	2,380
	Ijazah Sarjana Muda (Sains)	6,650	4,990	3,330
	Ijazah Sarjana Muda (Sastera)	6,180	4,630	3,090
	Ijazah Sarjana (Master)	9,500	7,130	4,750
	Doktor Falsafah (PhD)	24,700	18,530	12,350
	Kursus Profesional	5,700	4,280	2,850
IPTS	Foundation	6,800	5,100	3,400
	Diploma	6,800	5,100	3,400
	Diploma (Farmasi, Pergigian & Sains Kesihatan)	12,750	9,560	6,380
	Ijazah Sarjana Muda (Sains)	14,030	10,520	7,010
	Ijazah Sarjana Muda (Sastera)	13,600	10,200	6,800
	Ijazah Sarjana Muda (Farmasi, Pergigian & Sains Kesihatan)	17,000	12,750	8,500
	Ijazah Sarjana Muda Perubatan (MBBS)	* 50,000	* 37,500	* 30,000

Pemberhentian Pinjaman

Pinjaman pendidikan akan diberhentikan atas sebab-sebab berikut:

1. Gagal/ berhenti pengajian pada peringkat/ jurusan/ IPT yang diluluskan semasa memohon pinjaman pendidikan;
2. Pelajar membuat pembatalan pinjaman pendidikan PTPTN;
3. Pemalsuan maklumat semasa permohonan; atau
4. Peminjam diisytihar muflis.

Untuk maklumat lanjut dan permohonan, sila layari pautan berikut:
https://www.ptptn.gov.my/pinjaman-pendidikan

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Pengeluaran Pendidikan KWSP

Skim pengeluaran ini membolehkan ahli KWSP mengeluarkan daripada Akaun 2 KWSP mereka untuk membiayai yuran pengajian untuk anak-anak mereka atau untuk diri mereka sendiri melanjutkan pelajaran di mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara. Info lanjut di https://www.kwsp.gov.my/ms/ahli/fasa-kehidupan/pengeluaran-pendidikan

MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Tawaran Pinjaman Pelajaran MARA

MARA menyediakan pinjaman pelajaran berbentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) yang dikhususkan kepada para pelajar Bumiputera yang cemerlang untuk melanjutkan pengajian bermula peringkat persediaan (Asasi/ Matrikulasi) hingga ke peringkat Ijazah Tinggi.

Apakah yang dimaksudkan dengan Pinjaman Boleh Ubah?

Pinjaman Boleh Ubah (PBU) bermaksud keseluruhan pinjaman pelajaran yang diterima boleh dipertimbangkan pengurangan bayaran balik berdasarkan prestasi akademik pelajar setelah tamat pengajian, tertakluk kepada dasar yang ditetapkan.

1. PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA *YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP)*

Young Talent Development Programme (YTP) adalah program penajaan pinjaman pelajaran berbentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk pelajar cemerlang lepasan SPM 2022 bagi menyambung pengajian bermula di peringkat persediaan hingga ke peringkat ijazah pertama di institusi pendidikan tinggi terpilih di dalam dan luar negara.

2. PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI *TERTIARY EDUCATION SPONSORSHIP PROGRAMME (TESP)*

Program Penajaan Pengajian Tertiari adalah program penajaan berbentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk pelajar lepasan STPM, Matrikulasi / Asasi / Diploma dan setaraf yang telah ditawarkan pengajian peringkat Ijazah Pertama dalam bidang dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terpilih bagi sesi kemasukan 2022. Pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama juga boleh memohon.

3. PROGRAM KECEMERLANGAN STPM/STAM *STPM/ STAM EXCELLENCE PROGRAMME (STEP) - DALAM NEGARA*

STPM/ STAM Excellence Programme adalah program penajaan pinjaman pelajaran berbentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk pelajar cemerlang lepasan STPM/ STAM dan Diploma bagi menyambung pengajian di peringkat Ijazah Pertama (Sarjana Muda) di institusi pendidikan tinggi terpilih di dalam negara.

4. PROGRAM KECEMERLANGAN STPM/STAM *STPM/ STAM Excellence Programme (STEP)* - MESIR DAN JORDAN

Pinjaman pelajaran boleh ubah kepada pelajar cemerlang STPM/ STAM untuk melanjutkan pengajian peringkat ijazah Sarjana Muda di Universiti Al- Azhar, Mesir dan universiti terpilih di Jordan. Program STEP bertujuan melahirkan bakal pemimpin negara dan meningkatkan bilangan tenaga kerja yang lebih kompetitif di peringkat antarabangsa.

5. PROGRAM UNIVERSITI TERBAIK DUNIA *WORLD'S TOP UNIVERSITIES PROGRAMME (WTU)*

Pinjaman pelajaran dalam bentuk pinjaman boleh ubah untuk pelajar cemerlang melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti terpilih luar negara mengikut bidang tertentu yang memberi impak besar kepada keperluan guna tenaga negara.

Untuk maklumat lanjut dan permohonan pinjaman Pelajaran MARA, sila layari pautan berikut: **https://www.mara.gov.my/bm/pendidikan/pembiayaan-pelajaran/**

Maklumat penuh pelbagai sumber pembiayaan pendidikan boleh diperolehi di pautan berikut: **https://www.uniassist.my/scholarship-biasiswa2024**

SCAN ME

Mengenali

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

UNIVERSITI AWAM

KATEGORI

UNIVERSITI PENYELIDIKAN
(memberikan tumpuan kepada bidang penyelidikan)

- Universiti Malaya
- Universiti Sains Malaysia
- Universiti Kebangsaan Malaysia
- Universiti Putra Malaysia
- Universiti Teknologi Malaysia

UNIVERSITI BERFOKUS
(memberikan tumpuan kepada bidang khusus berkaitan dengan penubuhannya)

- Universiti Utara Malaysia
- Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Universiti Malaysia Terengganu
- Universiti Malaysia Kelantan
- Universiti Pertahanan Nasional

UNIVERSITI TEKNIKAL
(tumpuan kepada pengajian tinggi teknikal (TVET)

- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- Universiti Malaysia Perlis
- Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

UNIVERSITI KOMPREHENSIF
(menawarkan pelbagai kursus dan bidang pengajian)

- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Universiti Malaysia Sarawak
- Universiti Malaysia Sabah
- Universiti Sains Islam Malaysia
- Universiti Teknologi Mara
- Universiti Sultan Zainal Abidin

POLITEKNIK - KOLEJ KOMUNITI - KOLEJ MARA

POLITEKNIK

Terdapat 3 Kategori Politeknik

1.Politeknik Premier (3 buah)

- Politeknik yang setaraf dengan universiti dan menerima pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam SPM dan STPM.
- Peringkat program pengajian: Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah Sarjana Muda.
- Permohonan adalah melalui UPU Online dan terbuka kepada pelajar sepenuh masa dan separuh masa.

2.Politeknik Konvensional (28 buah)

- Politeknik kategori TVET (Technical and Vocational and Training) dan ILKA (Institut Latihan Kemahiran Awam).
- Peringkat program pengajian: Sijil dan Diploma .
- Permohonan melalui portal UPU atau Politeknik dan terbuka kepada pelajar sepenuh masa dan separuh masa.

3.Politeknik METrO (5 buah)

- Institusi pendidikan dan latihan bagi memenuhi keperluan sosio ekonomi tempatan dan wilayah dalam bidang industri yang berorientasikan perkhidmatan dan perdagangan.
- Sasaran pelajarnya ialah lepasan SPM dan warga pekerja yang memerlukan upskilling dan re-skilling.
- Permohonan boleh dibuat secara online melalui UPU atau politeknik.

KOLEJ KOMUNITI **(93 buah Kolej Induk dan 11 Kolej Cawangan)**

- Kolej Komuniti merupakan institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi.
- Kolej Komuniti diletakkan di bawah kawalselia Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Malaysia dan menawarkan pengajian peringkat diploma, sijil dan Sijil Kemahiran Khas.

KOLEJ MARA

Kolej MARA (KM) menawarkan pelbagai program pra-universiti sebagai persediaan kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian program ijazah dan profesional dalam pelbagai bidang seperti perubatan, pergigian, kejuruteraan, seni bina, dan perakaunan di universiti dalam dan luar negara. Program yang ditawarkan meliputi Program Diploma International Baccalaureate (IB), Cambridge A-Level, Asasi dan Pra-Universiti dan Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia

Pada masa ini terdapat 4 Kolej MARA di Banting, Seremban, Kulim dan Kuala Nerang

KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)

KPM menawarkan program-program diploma dan sijil. Setiap kampus KPM menawarkan kemudahan prasarana yang lengkap untuk kegunaan dan keselesaan pelajar. Antaranya dewan kuliah, bilik kuliah, perpustakaan, makmal komputer yang dilengkapi dengan kemudahan internet, makmal bahasa, asrama, fasiliti sukan dan riadah, kafetaria, surau dan lain-lain.

Terdapat 6 cawangan KPM di Beranang, Ayer Molek, Indera Mahkota, Seri Iskandar, Bandar Penawar dan Bandar Melaka

KOLEJ MATRIKULASI

Program Matrikulasi diwujudkan pada tahun 1998 merupakan program persediaan bagi pelajar Bumiputera untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama dalam bidang sains, teknologi dan sastera ikhtisas ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara.

Sehingga kini terdapat 15 buah Kolej Matrikulasi di bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan 2 buah Kolej MARA yang menawarkan 4 jurusan seperti berikut:

- Jurusan Sains
- Jurusan Kejuruteraan
- Jurusan Perakaunan.
- Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro)

Nota: Kemasukan ke Kolej Matrikulasi tidak melalui sistem permohonan UPU Online. Pelajar perlu membuat permohonan secara dalam talian melalui laman web rasmi KPM. Layari laman web KPM (https://matrikulasi.moe.gov.my/) untuk maklumat terkini mengenai tarikh permohonan.

Program

PENGAJIAN IPT

PROGRAM & TAHAP PENGAJIAN

Program-program akademik dikategorikan kepada beberapa tahap pensijilan MQA iaitu pensijilan terendah di tahap Sijil hinggalah ke tahap tertinggi Kedoktoran.

Sehubungan itu perjalanan atau laluan akademik seseorang pelajar adalah bergantung kepada tahap mana mereka memulakan perjalanan akademik ini dan meneruskan lanjutan pengajian berikutnya berdasarkan kelayakan masing-masing.

Tahap Pengajian	Jam Kredit Minimum	Tempoh Lazim Program Pengajian (Pengajian Sepenuh Masa)
Sijil (Tahap 1)	15	6 bulan
Sijil (Tahap 2)	30	6 bulan
Sijil (Tahap 3)	60	1-1.5 tahun
Pra-Diploma	-	6 bulan - 1.5 tahun
STPM / A Level	-	1.5 tahun
Matrikulasi	50	1 atau 2 tahun
Asasi	50	1 tahun
Diploma	90	2 tahun
Diploma Lanjutan	40	1 tahun
Sijil Siswazah	34	1 tahun
Diploma Siswazah	64	1-2 tahun
Sarjana Muda	120	3 tahun
Sijil Pascasiswazah	20	1 semester (6 bulan)
Diploma Pascasiswazah	30	1 ½ semester (9 bulan) (1 semester panjang dan 1 semester pendek)
Sarjana – Penyelidikan	-	2 tahun
Sarjana – Mod Campuran dan Kerja Kursus	40	1 tahun
Kedoktoran – Penyelidikan	-	3 tahun
Kedoktoran – Mod Campuran dan Kerja Kursus	80	3 tahun



AKREDITASI MQA

Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Bagi membuat perancangan laluan akademik yang terbaik untuk para pelajar khususnya lepasan SPM/ STPM dan setaraf, adalah amat penting untuk ibu bapa dan pelajar memahami tahap dan peringkat pensijilan yang ditawarkan khususnya program-program akademik di Malaysia. Perkara paling utama sebelum membuat pemilihan program adalah dengan memastikan bahawa program-program sama ada ditawarkan IPTA atau IPTS tersebut telah mendapat Akreditasi khususnya Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Akreditasi penuh (Full Accreditation)
Satu perakuan rasmi kepada IPT bahawa sijil, diploma atau ijazah yang akan dianugerahkan kepada graduan adalah selaras dengan standard yang ditetapkan oleh MQA.

Akreditasi sementara (Provisional Accreditation)
Sesuatu program yang baharu ditawarkan oleh IPT akan melalui fasa awal penilaian akreditasi di mana program tersebut akan diberi status Akreditasi Sementara. Para pelajar boleh memohon untuk program-program berstatus Akreditasi Sementara ini kerana IPT yang menawarkan program perlu memenuhi semua syarat serta kualiti dan standard yang ditetapkan MQA semasa penilaian akreditasi sementara sebelum diberi status Akreditasi Penuh. Sehubungan itu, sekiranya anda gagal memperolehi maklumat akreditasi penuh program di MQR, anda boleh membuat semakan program melalui pautan berikut: http://www2.mqa.gov.my/pasp bagi status Akreditasi Sementara.

Kepentingan Akreditasi MQA

- Akreditasi MQA bermaksud sesuatu program telah memenuhi piawaian kualiti yang ditetapkan bagi setiap tahap program akademik dan memastikan para pelajar mendapat laluan akademik yang betul serta memudahkan permohonan pindahan kredit.
- Ketiadaan akreditasi MQA akan menyebabkan sesuatu program akademik tidak diiktiraf oleh mana-mana IPT khususnya di Malaysia dan para pelajar akan berdepan masalah apabila memohon menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi serta untuk memohon pindahan kredit.
- Akreditasi MQA adalah penting apabila memohon mendapatkan bantuan kewangan atau kemudahan pinjaman pendidikan seperti mana ditetapkan oleh pemberi pinjaman seperti PTPTN.
- Semua program yang diakredit oleh MQA juga membawa maksud diiktiraf oleh JPA/ Kerajaan Malaysia bagi tujuan permohonan perjawatandan pelantikan dalam perkhidmatan awam.

Bagaimana untuk Menyemak Status Akreditasi MQA?

Ibu bapa dan para pelajar boleh membuat semakan status sesuatu program akademik yang telah mendapat akreditasi penuh di Daftar Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualification Register (MQR) melalui pautan berikut: https://www2.mqa.gov.my/mqr/

JENIS PROGRAM PENGAJIAN & RINGKASAN

ASASI

Program Asasi adalah program pra-universiti yang ditawarkan oleh sebahagian universiti bagi mempersiapkan para pelajar untuk melayakkan diri melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda khususnya di universiti yang sama atau ke lain-lain IPTA. Program Asasi merupakan laluan akademik paling cepat untuk ke program Sarjana Muda.

- Tempoh Pengajian: 1 Tahun
- Jam kredit minimum: 50 kredit
- Kelayakan Minimum SPM: 5 Kepujian (tertakluk kepada keperluan program)
- Permohonan: Portal UPUOnline: https://upu.mohe.gov.my

MATRIKULASI

Pelajar lepasan tingkatan 5 yang layak boleh memohon untuk mengikuti Program Matrikulasi dibawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Program ini merupakan satu program persediaan bagi pelajar Bumiputera lulusan Sijil Pelajaran Malaysia untuk melayakkan mereka mengikuti program peringkat Sarjana Muda dalam bidang Sains, Teknologi dan Sastera Ikhtisas di universiti awam dan swasta. Sijil Matrikulasi KPM juga diiktiraf untuk perjawatan Perkhidmatan Awam mulai tahun 2017.

- Tempoh Pengajian: 1 Tahun atau 2 tahun
- Jam kredit minimum: 50 kredit
- Kelayakan Minimum SPM:
  - 5 Kepujian (program 1 tahun)
  - 3 Kepujian (program 2 tahun)
  (tertakluk kepada keperluan program)
- Permohonan: Portal Kementerian Pendidikan Malaysia: https://matrikulasi.moe.gov.my

SIJIL

Penawaran program peringkat Sijil (Tahap 3 MQF) khususnya oleh Kolej Komuniti/ ILKA adalah bertujuan membuka akses kepada pelajar lepasan SPM yang tidak memenuhi syarat minimum untuk pengajian Asasi/ Matrikulasi/ Diploma yang memerlukan minimum 3 kepujian. Lepasan Sijil layak untuk menyambung pengajian ke peringkat Diploma di mana-mana IPTA tertakluk kepada keperluan program dan bidang pengajian.

- Tempoh Pengajian: Minimum 2 tahun
- Jam kredit minimum: 60 kredit
- Kelayakan Minimum SPM: Lulus SPM
- Permohonan: Portal UPUOnline: https://upu.mohe.gov.my

DIPLOMA

Pelajar lepasan SPM yang layak boleh memohon untuk mengikuti Program peringkat Diploma yang ditawarkan oleh IPTA/ ILKA. Program ini merupakan kelayakan akademik Tahap 4 di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Lepasan Diploma layak untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda dan boleh memohon untuk pindahan/ pengecualian kredit mengikut kelayakan.

- Tempoh Pengajian: Minimum 2 tahun
- Jam kredit minimum: 90 kredit
- Kelayakan Minimum SPM: 3 Kepujian (tertakluk kepada keperluan program)
- Permohonan: Portal UPUOnline: https://upu.mohe.gov.my

SARJANA MUDA

Program Sarjana Muda adalah kelayakan akademik (Tahap 6 MQF) dan dibuka kepada para pelajar dengan kelayakan STPM/ Asasi/ Matrikulasi/ Diploma dan setaraf.

- Tempoh Pengajian: 3 - 5 tahun
- Jam kredit minimum: 120 kredit
- Kelayakan Minimum: STPM/ Asasi/ Matrikulasi/ Diploma dan setaraf (tertakluk kepada keperluan program)
- Permohonan: Portal UPU Online: https://upu.mohe.gov.my

Laluan Alternatif

UNIVERSITI AWAM

PELUANG KE UNIVERSITI AWAM MELALUI SALURAN TERUS

Khusus bagi pelajar yang memilih untuk meneruskan pengajian di Universiti Awam, selain permohonan melalui UPU Online, sebahagian universiti Awam juga membuka laluan kemasukan secara terus ke universiti berkenaan melalui saluran khas yang dikenali sebagai Saluran Terus/ Saluran Alternatif/ Ambilan Terus (Direct Intake).

Saluran Terus yang ditawarkan oleh Universiti Awam ini bertujuan memberi alternatif lain khususnya kepada pelajar yang tidak mendapat program pilihan mereka berikutan persaingan sengit di UPU. Walau bagaimanapun, tempat yang diperuntukkan melalui Saluran Terus ini adalah sangat terhad khususnya bagi program-program popular tertakluk kepada mereka yang membuat permohonan dan memberi komitmen awal.

PERBANDINGAN KEMASUKAN MELALUI SALURAN TERUS DAN UPU ONLINE

KRITERIA	UPU ONLINE	SALURAN TERUS
TAWARAN PERMOHONAN	Dibuka kepada calon warganegara Malaysia Sahaja	Sebahagian universiti membuka permohonan kepada calon tempatan dan juga antarabangsa
PROGRAM YANG DITAWARKAN	Semua program peringkat Sijil, Asasi, Diploma dan Sarjana Muda	Program peringkat Asasi, Diploma dan Sarjana Muda khususnya dalam bidang kompetitif
SYARAT KEMASUKAN	Calon perlu memenuhi syarat Am dan Khas yang ditetapkan dan melepasi ujian/ temuduga (jika ada) serta mencapai markah merit yang ditetapkan bagi setiap program	Calon perlu memenuhi syarat Am dan Khas yang ditetapkan dan melepasi ujian/ temuduga (jika ada). Saluran ini juga membuka peluang kepada Lain-lain Kelayakan yang tiada di UPUOnline seperti IGCSE untuk memohon ke universiti awam.
PERSAINGAN	Persaingan adalah sangat tinggi khususnya bagi program kompetitif seperti Perubatan, Undang-undang, Kejuruteraan dan lain-lain. Ini kerana terdapat sangat ramai pelajar yang memenuhi syarat kelayakan dan perlu bersaing dari segi markah merit untuk mendapat tempat.	Berbanding UPU Online, permohonan melalui Saluran Terus adalah kecil dan tidak memerlukan persaingan markah merit pemohon sebagai prasyarat kemasukan. Melalui Saluran Terus, pelajar hanya perlu memenuhi syarat kelayakan minimum program yang telah ditetapkan untuk peluang mendapat tawaran.
YURAN PENGAJIAN	Kadar yuran adalah rendah kerana kerajaan menampung subsidi pada kadar 70-90% daripada yuran penuh.	Yuran bagi program yang ditawarkan melalui Saluran Terus adalah pada kadar penuh (tanpa subsidi)
PEMBELAJARAN	Sesi pembelajaran dikendalikan di bawah fakulti/pusat di kampus universiti berkenaan	Sama seperti pelajar daripada Saluran Perdana (UPU Online).
KEMUDAHAN PEMBELAJARAN	Pelajar menikmati semua kemudahan yang disediakan di kampus universiti berkenaan	Pelajar Saluran Terus turut menikmati semua kemudahan lain sama seperti pelajar Saluran Perdana.
LANJUTAN PENGAJIAN	Sebahagian lepasan Asasi khususnya kategori “Terbuka” serta lepasan Diploma perlu membuat permohonan semula di UPU Online untuk ke program Sarjana Muda.	Program Asasi merupakan “feeder” bagi program Sarjana Muda bagi universiti yang menawarkan program tersebut. Pelajar yang lulus pengajian Asasi secara automatik akan diserap ke program Sarjana Muda universiti berkenaan tertakluk kepada pencapaian akademik pelajar di peringkat Asasi. Lepasan Diploma juga berpeluang meneruskan pengajian ke peringkat Sarjana Muda di universiti yang sama dengan kelebihan untuk pindahan kredit tertakluk kepada program yang dipohon.

KELEBIHAN KEMASUKAN MELALUI SALURAN TERUS

Melalui Saluran Terus ini, pelajar boleh memohon terus ke universiti yang menawarkan program pilihan mereka serta memberi kelebihan berikut:

1. Persediaan Alternatif atau “Backup Plan“

- Pelajar boleh membuat permohonan serentak di kedua-dua saluran permohonan iaitu UPU Online dan Saluran Terus. Ini kerana permohonan melalui "Saluran Terus" adalah melalui sistem universiti yang berasingan dan tidak memberi kesan kepada permohonan pelajar di UPU Online. Sekiranya pelajar tidak mendapat tawaran program pilihan di UPU Online, pelajar masih mempunyai harapan untuk program tersebut di Saluran Terus.

2. Peluang untuk Program Pilihan

- Pemohon tidak perlu bersaing untuk program dan universiti pilihan mereka seperti yang berlaku di UPU. Ini kerana terdapat sangat ramai pelajar yang memperoleh gred yang tinggi dalam SPM akan memohon program-program di UPU Online khususnya dalam bidang popular seperti Perubatan, Undang-undang, Kejuruteraan dan lain-lain.

3. Tiada Persaingan Merit

- Berbeza dengan permohonan di UPU Online, permohonan melalui Saluran Terus tidak memerlukan pengiraan mata merit pemohon sebagai prasyarat kemasukan. Pelajar hanya perlu memenuhi syarat kelayakan minimum program yang telah ditetapkan.

4. Peluang kepada Lain-lain Kelayakan yang tiada di UPUOnline

- Membuka laluan untuk pemohon dengan kelayakan IGCSE/ GCSE dan GCE O-Level untuk memohon ke universiti awam.

5. Tawaran Terus Universiti

- Pemohon akan menerima tawaran terus daripada universiti sekiranya memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan dan akan mengikuti program serta kemudahan yang sama seperti pelajar lain yang menerima tawaran melalui UPU Online.

6. Peluang Lanjutan Pengajian

- Pelajar berpeluang untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda sama seperti pelajar Saluran Perdana (yuran bersubsidi).

Peluang kemasukan melalui Saluran Terus ini adalah pelaburan yang berbaloi kerana pelajar akan mendapat peluang untuk mengikuti program yang mereka inginkan dengan prospek kerjaya yang lebih cerah.

PERKARA PERTIMBANGAN

Untuk kelebihan-kelebihan istimewa yang diberikan melalui Saluran Terus, pihak universiti mengenakan yuran penuh (tanpa subsidi) kepada pelajar yang menerima tawaran. Sebagai makluman, kadar subsidi yang diterima oleh pelajar yang ditanggung oleh kerajaan adalah sekitar 80-90 % daripada yuran penuh.

Walau bagaimanapun, berdasarkan perbandingan dengan universiti swasta (IPTS), kadar yuran yang dikenakan oleh universiti awam melalui Saluran Terus ini adalah lebih murah selain menyediakan laluan khas untuk pelajar menyambung pengajian ke Sarjana Muda.

Sebahagian universiti juga hanya mengenakan yuran penuh di peringkat Asasi atau Diploma sahaja manakala pelajar akan mendapat peluang untuk kadar yuran yang sama (bersubsidi) seperti pelajar Saluran Perdana apabila menyambung pengajian di peringkat Sarjana Muda.

PERMOHONAN BERPUSAT SALURAN TERUS UNIVERSITI AWAM & SWASTA

Melalui kerjasama strategik dengan beberapa Universiti Awam, Uni Assist kini menyediakan pusat sehenti yang membuka Akses Terus kepada pelbagai program akademik sepenuh masa untuk lepasan sekolah menengah dengan kelayakan SPM/ STPM atau kelayakan yang setaraf dengannya.

Antara universiti awam yang menawarkan program Saluran Terus:

Maklumat lanjut berkaitan Saluran Terus boleh didapati di sini:

Scan di sini untuk Saluran Terus

Uni Assist Connecting Your Future

PERKHIDMATAN KEMASUKAN IPT BERPUSAT SECARA PERCUMA OLEH UNI ASSIST

- Perkhidmatan perundingan pendidikan dan khidmat nasihat oleh pakar runding akademik kami yang berpengalaman khususnya kepada ibu bapa dan pelajar dalam panduan pemilihan program.
- Kemudahan urusan kemasukan pelajar melalui sistem permohonan berpusat bagi saluran terus di laman web Uni Assist.
- Perkhidmatan semakan syarat kelayakan dan pengesyoran program-program yang bersesuaian dengan kelayakan pelajar.
- Maklumat bantuan kewangan/ biasiswa kepada yang layak.
- Maklumat lengkap program-program yang ditawarkan untuk panduan ibu bapa dan pelajar.

INFO PERKHIDMATAN

SCAN ME

Maklumat lanjut berkaitan Uni Assist serta perkhidmatan dan program yang ditawarkan boleh didapati di laman web:

www.uniassist.my

Centralised Admission Portal

Selain UPU Online, pelajar juga berpeluang meneroka program-program kompetitif yang ditawarkan oleh universiti awam dan swasta terpilih.

Dapatkan info universiti dan program pilihan anda di Portal Kemasukan Universiti Berpusat.

Layari Sekarang!

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Rakan IPT kami yang telah membolehkan penerbitan dan edaran Buku Panduan UPU Online 2026 ini secara percuma ke sekolah-sekolah seluruh Malaysia

UniAssist Connecting Your Future

Edisi Ketiga / Cetakan Pertama 2025